

Jambatan tetap dibatal: PM

Kabinet sudah buat keputusan selepas perbincangan teliti

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan tidak akan menarik balik keputusan membatalkan pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor seperti dituntut Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Kabinet membincangkan mengenai projek itu secara teliti dan membuat keputusannya.

"Beliau (Dr Mahathir) boleh kata apa yang beliau suka. Saya Perdana Menteri dan saya ada kerja yang hendak dibuat dan membuat keputusan

terbaik bagi faedah rakyat.

"Saya sudah berbincang dengan semua menteri Kabinet dan apabila keputusan dibuat, kita akan berpegang kepada keputusan berkenaan," katanya selepas melancarkan MSC Malaysia Cybercenter @ Menara MSC Cyberport disini, semalam.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa beliau akan berhenti mengkritik kerajaan jika pucuk pimpinan bersetuju menarik balik pembatalan jambatan baru menggantikan Tambak Johor.

Semalam, bekas Perdana Menteri

dilaporkan berkata, beliau tidak akan memberi apa-apa komen lagi jika Abdullah melakukannya.

Abdullah menegaskan, keputusan kerajaan membatalkan projek jambatan itu tidak perlu dibangkitkan mana-mana pihak.

Malah, katanya, Badan Perhubungan Umno Johor tidak menimbulkan isu mengenai jambatan berkenaan ketika mengadakan pertemuan dengannya di Hotel Sofitel, tengah hari semalam.

"Beliau (Dr Mahathir) boleh kata apa yang beliau suka. Saya Perdana Menteri dan saya ada kerja yang hendak dibuat"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri



Keputusan dibuat demi rakyat, negara

DARI MUKA 1

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata keputusan tidak meneruskan projek itu dibuat selepas mengambil kira masalah khususnya berkaitan undang-undang antara-bangsa.

"Bukan kita sengaja nak batalkan, tetapi kerana ada masalah yang terlalu rumit terutama dari segi undang-undang antarabangsa dan perjanjian air dengan Singapura," katanya selepas merasmikan persidangan agung khas Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di Kuala Lumpur.

Di **MELAKA**, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kerajaan sudah putuskan projek itu tidak boleh diteruskan dan tidak akan menarik balik kerana ia dibuat untuk kepentingan rakyat serta negara.

Beliau juga tidak bersetuju jika Dr Mahathir diberi peluang berucap pada perhimpunan agung parti November ini kerana ia bukan tempat berdebat, tetapi untuk membincangkan kepentingan dan pembangunan parti.

"Hanya kerana Dr Mahathir mempersoalkan keputusan kerajaan, tidak bermakna kita harus beri peluang beliau berucap," katanya selepas majlis memeterai perjanjian antara Lianbang Ventures Sdn Bhd dengan Carrefour dan McDonalds.

Di **KANGAR**, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, mahu Dr Mahathir segera menghentikan kritikan terhadap kerajaan secara terbuka bagi mengelak ia digunakan pembangkang untuk kepentingan politik mereka.

"Kita sudah diajar menggunakan pendekatan musyawarah untuk menyelesaikan sebarang perbalahan dalam parti atau kerajaan. Pendekatan ini sudah dilakukan sejak zaman beliau lagi," katanya.

Di **MENGGATAL**, Setiausaha Pemuda Umno, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata tindakan Dr Mahathir memperlekeh pentadbiran dan kewibawaan kepemimpinan negara harus dihentikan segera.